

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 30 Julai 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH 2024

Jumlah perdagangan Sabah pada tahun 2023 melepasinya paras RM100 bilion bagi dua tahun berturut-turut

PUTRAJAYA, 30 JULAI 2024 – Laporan **STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN RUJUKAN 2023** yang dikeluarkan hari ini memaparkan statistik perdagangan luar negeri Sabah dengan rakan dagangan mengikut klasifikasi komoditi yang terperinci. Laporan ini menunjukkan jumlah perdagangan Sabah kekal melepasinya paras RM100 bilion tahun 2023.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Perdagangan Sabah telah melepasinya aras RM100 bilion bagi dua tahun berturut-turut dengan jumlah perdagangan Sabah mencatatkan RM105 bilion pada tahun 2023. Seiring dengan penurunan perdagangan peringkat Malaysia, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan perdagangan Sabah menurun sebanyak 11.1 peratus daripada RM118 bilion pada tahun 2022. Eksport Sabah menurun 18.5 peratus kepada RM62.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, import Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus daripada RM40.9 bilion kepada RM42.2 bilion pada tahun 2023, manakala lebihan dagangan berjumlah RM20.6 bilion, menurun 43.1 peratus".

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan penyumbang utama eksport Sabah adalah petroleum mentah bernilai RM24.7 bilion, minyak kelapa sawit (RM16.0 bilion) dan gas asli cecair (RM5.1 bilion). Eksport tiga produk utama ini bernilai RM45.7 bilion dan menyumbang 72.8 peratus kepada jumlah eksport Sabah. Manakala penyumbang utama import pula adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak RM14.3 bilion, makanan dan binatang hidup (RM6.6 bilion) dan barang keluaran kilang mengikut jenis bahan (RM5.5 bilion).

Mengulas lebih lanjut, lima rakan dagangan utama yang menyumbang sebanyak 71.2 peratus kepada jumlah perdagangan luar negeri Sabah terdiri daripada Semenanjung Malaysia (45.9%), China (11.2%), Thailand (5.9%), Republik Korea (4.2%) dan India (3.9%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

.

Carta : Eksport, Import dan Pertumbuhan Jumlah Perdagangan Luar, 2012 – 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

30 JULAI 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, July 30th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT FOR SABAH EXTERNAL TRADE STATISTICS 2024

Sabah's total trade in 2023 surpassing RM100 billion for the second consecutive year

PUTRAJAYA, JULY 30, 2024 – Sabah External Trade Statistics Report for the reference year 2022 released today displays Sabah's external trade statistics with trading partners according to a detailed commodity classification. This report shows that Sabah's total trade surpassed the RM100 billion level in 2023.

Commenting on the report, the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Sabah's total trade was valued at RM105 billion in 2023. Along with the negative growth in Malaysia's total trade, year on year comparison shows that Sabah's total trade decreased 11.1 per cent from RM118 billion in 2022. Sabah's exports decreased 18.5 per cent to RM62.8 billion compared to the previous year. On the other hand, imports recorded a 3.0 per cent increase from RM40.9 billion to RM42.2 billion in 2023 with a trade surplus amounting to RM20.6 billion, down 43.1 per cent"

The Department of Statistics Malaysia also reported that the main contributor of Sabah's total exports were crude petroleum, valued at RM24.7 billion, palm oil (RM16.0 billion) and liquefied natural gas (RM5.1 billion). Exports of these three major products amounting to RM45.7 billion and accounted for 72.8 per cent of Sabah's total exports. Meanwhile, total imports were dominated by machinery and transport equipment of RM14.3 billion, food and live animals products (RM6.6 billion) and manufactured goods classified chiefly by material (RM5.5 billion).


Five major trading partners contributed 71.2 per cent to Sabah's total external trade comprising Peninsular Malaysia (45.9%), China (11.2%), Thailand (5.9%), Republic of Korea (4.2%) and India (3.9%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart : Exports, Imports and Growth of Total External Trade, 2012 – 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 JULY 2024**